




PERHATIAN

SEMAKAN STATUS SENARAI HITAM (BLACKLISTED) JPA

Penting:

Sila semak status senarai hitam (blacklisted) JPA bagi:

- Pemohon
- Ibu
- Bapa

sebelum mengisi permohonan.



Semakan boleh dibuat di pautan berikut:

https://esilav2.jpa.gov.my/online_progs/tunggakandividu.php



TINDAKAN SEGERA DIPERLUKAN

Sila selesaikan bayaran/tunggakan:

- **Mulai: 3 Ogos 2026** (Isnin)
- **Sehingga: 12 Ogos 2026** (Rabu)

Kelewatan melaksanakan bayaran akan menyebabkan permohonan **disekat**.



PERTANYAAN & PENYELARASAN



03-8000 8000



kutipan@jpa.gov.my



Dalam tempoh:


3 Ogos 2026 (Isnin) hingga **12 Ogos 2026** (Rabu)



MAKLUMAN

Keputusan adalah muktamad dan tiada rayuan akan diterima selepas tempoh yang ditetapkan.





TAWARAN PENAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PROGRAM DERMASISWA B40 TAHUN 2026

1. PENGENALAN

Program Dermasiswa B40 mula diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di bawah Model Baharu Penajaan pada tahun 2016. Program penajaan ini berbentuk Dermasiswa dan berfokus kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah iaitu golongan B40 yang ingin melanjutkan pengajian Diploma di dalam negara.

2. MAKLUMAT PROGRAM

- 2.1 Program ini dilaksanakan untuk membantu pelajar-pelajar **lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah iaitu golongan B40** untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma di **Universiti Awam (UA), Politeknik, TVETMARA dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)** terpilih di dalam negara.
- 2.2 Bidang penajaan berfokuskan kepada **Kejuruteraan dan Teknikal/Teknologi, Sains, Sains Sosial/Sastera dan Seni Bina** serta bidang **Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)** yang dikenal pasti mempunyai prospek kebolehpasaran yang tinggi dalam industri.

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon hendaklah memenuhi syarat umum dan khusus seperti berikut:

3.1 Syarat Umum Calon

- 3.1.1 Warganegara Malaysia;
- 3.1.2 Pemohon disyaratkan bebas daripada penyakit kronik/ berjangkit/ penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat, serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian;
- 3.1.3 Ibu dan/atau bapa dan/atau pemohon tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA. **Sehubungan itu, pemohon hendaklah memastikan bahawa pemohon, ibu dan/atau bapa bebas daripada sebarang tindakan undang-undang atau status senarai hitam pinjaman JPA sebelum mengemukakan permohonan.** Sekiranya pemohon, ibu dan/atau bapa didapati telah dikenakan tindakan undang-undang atau disenarai hitam oleh JPA, sila hubungi talian **03-8000 8000** dalam tempoh **3 Ogos 2026 (Isnin) hingga 12 Ogos 2026 (Rabu)** bagi tujuan semakan dan penyelarasan lanjut. **Sebarang permohonan yang dikemukakan selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan, dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.** Semakan status senarai hitam pinjaman JPA boleh dibuat melalui pautan berikut:
https://esilav2.jpa.gov.my/online_progs/tunggakanindividu.php
- 3.1.4 Pemohon yang pernah dikenakan tindakan penamatan tajaan atas pelanggaran syarat perjanjian oleh JPA tidak layak memohon;
- 3.1.5 Sekiranya berjaya ditawarkan penajaan JPA, pemohon tidak dibenarkan menerima bantuan kewangan/ tajaan daripada mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;

- 3.1.6 Menduduki **peperiksaan SPM 2025 buat kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk sekolah khas, sekolah swasta atau calon-calon persendirian;
- 3.1.7 Umur belum mencapai 19 tahun, atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki; dan
- 3.1.8 Pendapatan per kapita dalam kategori B40 iaitu **RM5,249.00 sebulan dan ke bawah**.

3.2 Syarat Khusus Calon

3.2.1 Bagi **Universiti Awam (UA)** dan **Politeknik**:

3.2.1.1 Menduduki SPM 2025 dan mendapat **sekurang-kurangnya Gred C** bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan mana-mana tiga subjek lain yang diambil; dan

3.2.1.2 **Telah mendapat tawaran*/ telah mendaftar*** di institusi pengajian tersebut.

**mengikut kesesuaian berdasarkan kepada tarikh iklan penajaan dikeluarkan*

3.2.2 Bagi **TVETMARA yang terpilih** seperti Institut Kemahiran MARA (IKM)/ Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM)/ MARA-Japan Industrial Institute (MJII) dan ILKA lain seperti Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN)/ Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)/ Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI):

3.2.2.1 Menduduki SPM 2025 dan mendapat **sekurang-kurangnya Gred C** bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan mana-mana satu subjek lain yang diambil; dan

3.2.2.2 **Telah mendapat tawaran*/ telah mendaftar*** di institusi pengajian tersebut.

**mengikut kesesuaian berdasarkan kepada tarikh iklan penajaan dikeluarkan*

4. BIDANG PENGAJIAN

4.1 Program pengajian adalah terbuka merangkumi bidang pengajian seperti berikut:

Bil	Institusi Pengajian	Kursus/ Bidang
1.	Universiti Awam (UA)/ Politeknik	1. Kejuruteraan & Teknikal/ Teknologi 2. Sains 3. Sains Sosial/ Sastera 4. Seni Bina
2.	TVETMARA dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) termasuklah: (a) Institut Kemahiran MARA (IKM) (b) Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) (c) MARA-Japan Industrial Institute (MJII) (d) Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) (e) Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) (f) Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI)	Diploma bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

4.2 Bidang pengajian yang **tidak ditaja** adalah seperti berikut:

- (a) Bidang perubatan, pergigian dan farmasi;
- (b) Bidang pendidikan;
- (c) Bidang yang memerlukan pelajar mengambil jenis-jenis lesen seperti lesen penerbangan dan sebagainya;
- (d) Program-program berbentuk francais UA/ IPTS;
- (e) Program-program berkembar/ ijazah dual/ *double degree*/ program kerjasama dengan institusi lain;
- (f) Program kejururawatan, separa perubatan dan program pra perkhidmatan;
- (g) Program-program berkaitan sijil/ kursus profesional; dan
- (h) Program pengajian secara separuh masa/ jarak jauh/ dalam talian/ pengajian tanpa subsidi yuran pengajian.

5. CARA MEMOHON

5.1 Permohonan dibuka secara dalam talian di portal penajaan JPA <https://penajaan.jpa.gov.my> bermula **3 Ogos 2026 (2.00 petang) hingga 16 Ogos 2026 (jam 5.00 petang)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

5.2 Calon dibenarkan mendaftar serta mengemas kini atau meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya maklumat permohonan yang terkini akan diambil kira bagi tujuan pemprosesan permohonan. **Sebarang perubahan atau pindaan selepas tarikh tutup permohonan tidak akan diterima.**

5.3 Tawaran penajaan ini akan disiarkan melalui laman portal penajaan JPA di <https://penajaan.jpa.gov.my>. Calon hendaklah merujuk portal tersebut bagi mendapatkan syarat permohonan, maklumat program dan Soalan Lazim (FAQ) berkaitan program penajaan yang ditawarkan.

- 5.4 Sebarang pertanyaan berkaitan program penajaan atau masalah teknikal hendaklah dikemukakan melalui **Call Center** di talian **03-8000 8000** (Isnin hingga Jumaat, **9.00 pagi hingga 4.30 petang**) atau melalui e-mel dermasiswa2026@jpa.gov.my. Perkhidmatan talian dan e-mel ini hanya disediakan sepanjang tempoh permohonan dibuka.

6. TARIKH-TARIKH PENTING

Aktiviti	Tarikh / Hari / Masa
Permohonan dibuka	3 Ogos 2026 (Isnin) 2.00 petang
Permohonan ditutup	16 Ogos 2026(Ahad) 5.00 petang
Jangkaan Keputusan	Minggu ketiga Oktober 2026

Nota: tertakluk kepada perubahan semasa

7. HAK KERAJAAN

- 7.1 Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 7.2 JPA boleh membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 7.3 JPA boleh menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

- TAMAT -